

08 MAY 2003

Nelayan-Dana

PROGRAM DANA NELAYAN TERBUKTI BERJAYA

PEKAN, 8 Mei (Bernama) -- Program Dana Nelayan yang diwujudkan pada 2001 terbukti berjaya apabila sebahagian besar nelayan yang mempunyai purata pendapatan RM500 sebulan kini memperolehi pendapatan RM3,000 sebulan setelah menyertai program itu.

Menteri Pertanian Datuk Mohamed Effendi Norwawi berkata program yang menyediakan pinjaman sebanyak RM10,000 hingga RM20,000 kepada nelayan itu bertujuan supaya mereka dapat membeli peralatan baru seperti enjin, jala dan peti sejuk untuk memastikan tangkapan mereka sentiasa segar.

Katanya melalui program itu juga nelayan tradisional dapat menambah jumlah tangkapan mereka dan secara langsung meningkatkan pendapatan.

"Program ini terbukti berjaya apabila 15 buah Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) yang mendapat pinjaman telah berjaya membayar balik jumlah pinjaman mengikut jadual, dan ada PNK yang membayar lebih dari jumlah yang dipinjam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung PNK Pekan dan majlis penyerahan cek Dana Nelayan bernilai RM500,000 untuk PNK Kuala Pahang dan RM150,000 untuk PNK Nenasi di Kampung Kuala Pahang di sini hari ini.

Pada majlis itu, seramai 100 orang nelayan menerima lesen khas sampan manakala 15 orang anak peserta PNK menerima basikal sumbangan PNK Pekan dan Yayasan nelayan.

Effendi berkata Kementerian Pertanian telah dimaklumkan kejayaan awal peserta Program Dana Nelayan dan berasa yakin dalam tempoh dua atau tiga tahun Lagi program ini akan membawa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat nelayan.

Katanya berdasarkan kejayaan awal program itu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan meluaskan pinjaman Dana Nelayan pada tahun ini kepada peserta PNK yang mempunyai rekod bayaran balik yang cemerlang.

Selain itu katanya Kementerian Pertanian juga telah memohon peruntukan tambahan bagi dana itu sebanyak RM20 juta bagi tahun 2004 dan 2005 untuk menjadikan sektor pertanian sebagai sektor ketiga terpenting pembangunan ekonomi negara.

Ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkenaan cadangan meletakkan hala tuju sektor pertanian di landasan lebih maju dan berdaya saing, beliau berkata ia menyentuh masyarakat petani yang mempunyai banyak waktu untuk membuat kerja sampingan selain daripada bertani semata-mata.

"Petani tidak bekerja sepenuh masa, ada banyak masa boleh jalankan kegiatan ekonomi lain contohnya menternak ikan dalam talian air dan memelihara ternakan lain sebagai sumber ekonomi," katanya.

Beliau berkata cara itu sama dengan program kepelbagaian ekonomi yang dirancangkan bagi peserta Felda .

-- BERNAMA

LIB RON